

LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI
JABATAN PENERANGAN MALAYSIA
NEGERI JOHOR (JPMNJ)

OLEH

SITI ERWINA BINTI TULOT
SARJANA MUDA PENGURUSAN
(POLISI DAN SEKITARAN SOSIAL)

LAPORAN LATIHAN INDUSTRI DISERAHKAN KEPADA
JABATAN EKOLOGI SOSIAL
FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
KOLEJ UNIVERSITI SAINS DAN TEKNOLOGI MALAYSIA
(KUSTEM)

2006

013429

Kolej Univ
1100045594

Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (KUSTEM)

Perpustakaan

LI 55 FPE 2 2006



1100045594

Laporan akhir latihan industri di Jabatan Penerangan Malaysia Negeri Johor (JPMNJ) / Siti Erwina Tulot.



PERPUSTAKAAN

KOLEJ UNIVERSITI SAINS & TEKNOLOGI MALAYSIA
21030 KUALA TERENGGANU

1100045594

Lihat sebelah

HAK MILIK
PERPUSTAKAAN KUSTEM

II
S5
FPE
2
1916

LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI JABATAN PENERANGAN MALAYSIA, NEGERI JOHOR (JPMNJ)

Oleh

**SITI ERWINA BINTI TULOT
Sarjana Muda Pengurusan
(Polisi dan Sekitaran Sosial)**

Laporan Latihan Industri Diserahkan
Kepada


Jabatan Ekologi Sosial
Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi
Kolej Universiti Sains dan Teknologi
Malaysia
(KUSTEM)

2006

PENGESAHAN KEASLIAN LAPORAN


Dengan ini saya Siti Erwina Binti Tulot (UK 9390) mengaku bahawa laporan Latihan Industri bagi kursus SOS 4299 adalah hasil usaha saya sendiri. Segala bentuk penulisan yang terkandung dalam laporan ini adalah merupakan pandangan dan pendapat saya yang berasaskan kepada pengaplikasian teori dan pengalaman yang dipelajari semasa menjalani Latihan Industri semata-mata. Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE), Kustem tidak terikat dengan isi kandungan laporan tersebut.

Tandatangan



Nama : Siti Erwina Binti Tulot

Tarikh : 17/10/2006

Disahkan oleh : 

Penyelia KUSTEM

b/p Pengurus Latihan Industri
Fakulti Pengurusan dan Ekonomi
KUSTEM

BIODATA DIRI



NAMA : SITI ERWINA BINTI TULOT

TARIKH LAHIR : 07HB JULAI 1984

NO KAD PENGENALAN : 840707-01-6172

ASAL : PONTIAN, JOHOR

ALAMAT TETAP : NO.11, JALAN MOHSIN,
PT KAYU ARA PASONG,
82010 PONTIAN JOHOR.

ALAMAT SEMASA : ASRAMA TOK JEMBAL,
KOLEJ UNIVERSITI SAINS DAN
TEKNOLOGI MALAYSIA, MENGAMBANG
TELIPOT,
21030 KUALA TERENGGANU,
TERENGGANU.

E-MAIL : twinz_be@yahoo.com

PENGHARGAAN

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh / salam sejahtera

Alhamdulilah, bersyukur saya kehadrat ilahi yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang, dengan segala limpah kurnia dariNya serta selawat dan salam ke atas Nabi junjungan besar kita Nabi Muhammad S.A.W, Para Sahabat dan keluarga baginda kerana akhirnya dapat saya menyiapkan buku laporan Latihan Industri ini dalam tempoh yang telah ditetapkan.

Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada pihak Pengurusan Latihan Industri Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (KUSTEM) yang telah mewajibkan pelajar-pelajar di Fakulti Pengurusan dan Ekonomi untuk menjalani latihan praktikum di sektor kerajaan mahupun di sektor swasta. Sesungguhnya peluang yang diberikan sedikit sebanyak dapat menambahkan pengetahuan dan pengalaman sebelum saya memasuki alam pekerjaan yang sebenar.

Saya juga merakamkan ribuan terima kasih kepada Pengarah Jabatan Penerangan Malaysia, Negeri Johor (JPMNJ) iaitu Cik Aini Binti Muhamad Yusof yang sudi dan sedia menerima saya untuk menjalani latihan industri selama 12 minggu di JPMNJ. Ribuan terima kasih juga diucapkan kepada penyelia pelajar praktikum JPMNJ iaitu En. Shahrom bin Abdullah, Tuan Haji Hashim bin Bedu, En. Sia Hiang Tiong serta En. Abdul Rashid bin Md Isa yang sudi memberi tunjuk ajar, garis panduan serta teguran yang membina kepada saya sepanjang saya menjalani latihan industri di JPMNJ. Banyak pengetahuan yang saya perolehi di samping pengalaman bekerja di bawah bimbingan pengarah dan pegawai-pegawai yang berdedikasi dan disanjungi. Berbanyak terima kasih juga ditujukan kepada seluruh warga JPM samada di peringkat negeri mahupun daerah negeri Johor Darul Takzim yang murah hati dan sudi membantu seterusnya bekerjasama dengan saya sepanjang saya menjalani latihan industri di tempat mereka.

Seterusnya, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Penyelia KUSTEM iaitu Puan Ruzaini bt. Sulaiman @ Abd Rahim yang sudi meluangkan masa untuk meninjau keadaan saya semasa menjalani latihan industri di JPMNJ. Segala tunjuk ajar dan teguran membina yang diberikan sebenarnya dapat membantu saya menyiapkan laporan latihan industri ini dengan jayanya.

Tidak lupa juga diucapkan ribuan terima kasih kepada kedua ibu bapa saya dan seisi keluarga serta sahabat handai saya yang telah banyak membantu memberi sokongan dan dorongan kepada saya sepanjang saya menjalani latihan industri di JPMN. Sokongan dan dorongan tersebutlah telah

memberi suntikan semangat kepada saya untuk berusaha lebih gigih lagi semasa menjalani latihan industri.

Akhir sekali, jutaan terima kasih juga saya ucapkan kepada semua yang terlibat secara langsung atau tidak secara langsung dalam membantu saya menyempurnakan tugasan menyiapkan laporan akhir latihan industri ini. Jasa dan pengorbanan kalian hanya tuhan sahaja yang dapat membalaunya.

Sekian.

Yang Benar,



(Siti Erwina Binti Tulot)

SMP (Polisi dan Sekitaran Sosial)

RINGKASAN EKSKLUSIF

Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (KUSTEM), Fakulti Pengurusan dan Ekonomi telah menetapkan syarat wajib ke atas pelajarnya Sarjana Muda Pengurusan Polisi dan Sekitaran Sosial untuk menjalani Latihan Industri (SOS 4299) sebanyak 6 jam kredit.

Melalui Latihan Industri ini pelajar berpeluang untuk belajar dan menimba pengalaman melalui pemerhatian dan penglibatan secara langsung dalam suatu bidang pekerjaan samada ditempatkan di agensi awam atau swasta. Pada masa yang sama latihan industri adalah langkah awal bagi pelajar untuk menghadapi alam pekerjaan yang sebenar dengan mengaplikasikan teori yang dipelajari dalam kuliah.

Pelatih telah berjaya menjalani latihan industri di Jabatan Penerangan Malaysia, Negeri Johor (JPMNJ) bagi tempoh 12 minggu bermula pada 17hb April 2006 hingga 07hb Julai 2006. Pelatih telah ditempatkan di Cawangan Khidmat Pengurusan dan Kewangan (KPK) dan di bawah penyeliaan industri En. Shahrom Abdullah.

Sepanjang 12 minggu pelatih menjalani latihan industri, pelatih telah berpeluang mempelajari aspek pentadbiran dan pengurusan organisasi di JPMNJ. Pelatih cuba mengimplementasian nilai etika asas profesional pengajian program Polisi dan Sekitaran Sosial iaitu dengan menggunakan kaedah penilaian dan pemantauan pelatih telah berjaya mengesan beberapa sistem yang digunakan di JPMNJ, mengesan beberapa masalah yang timbul daripada sistem tersebut dan seterusnya cuba mencadangkan langkah penyelesaian pada setiap sistem tersebut. Pelatih juga telah menggunakan analisis SWOT yang bertujuan untuk melihat kekuatan (*Strength*), kelemahan (*Weaknesses*), peluang (*Opportunities*) dan ancaman (*Threats*) yang terdapat di dalam JPMNJ. Segala cadangan yang dikemukakan diharap mendapat pertimbangan sewajarnya ke arah pembentukan organisasi yang lebih cemerlang dan unggul di mata masyarakat.